

BAB 1

PENGENALAN

Gagasan islamisasi adalah konsep yang telah diperkenalkan oleh Muhammad Iqbal, tetapi tokoh yang telah mendefinisikannya ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) mendefinisikan islamisasi sebagai, “pembebasan manusia pertama dari tradisi tahuul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan, dan selepas itu pembebasan akal dan bahasa daripada sekularisme” (hlm. 41). Berdasarkan definisi ini, bermakna islamisasi adalah berfokuskan perubahan pemikiran dan keilmuan setiap individu muslim. Langkah pertama islamisasi ialah islamisasi akal dan pemikiran melalui islamisasi bahasa, manakala matlamat akhir islamisasi ialah kejadian asal manusia, iaitu fitrah. Melalui pembinaan fitrah individu diharapkan akan terhasil masyarakat yang berpegang teguh dengan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan. Model terulung peribadi dan masyarakat Islam, menurut Yusuf Al-Qardawi (1996), ialah Nabi Muhammad s.a.w. dan masyarakat Islam sezamannya.

Dari segi bahasa istilah islamisasi adalah berasal dari bahasa Inggeris, iaitu “Islamization” yang boleh diterjemahkan sebagai menjadikan Islam, pengislaman ataupun islamisasi. Seperti yang dinyatakan oleh Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a), gagasan ini merupakan satu idea besar umat Islam pada abad ke-21 dan dijangka akan memberi implikasi yang besar terhadap umat Islam. Malah menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud lagi, dalam sejarah intelektualisme

Islam moden, gagasan islamisasi ilmu (*Islamization of knowledge*) adalah antara gagasan yang paling hebat dan mempunyai kemungkinan besar ke arah kecemerlangan ilmu kreatif Islam masa depan.

Gagasan islamisasi ilmu ini kemudiannya dipopularkan oleh Allahyarham Profesor Ismail al-Faruqi (1989) melalui bukunya, *The Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan*. Dalam buku ini, al-Faruqi mengenal pasti satu masalah utama umat Islam semasa iaitu masalah dualisme pendidikan. Akibatnya umat Islam terbahagi kepada dua golongan, iaitu sekelompok manusia yang mengetahui dan berkebolehan dalam ilmu moden tetapi terpisah dari akar agamanya. Sedangkan sekelompok lagi ialah golongan agama yang menguasai ilmu Islam dengan baik tetapi tidak pula dapat menguasai ilmu moden. Sebagai penyelesaiannya, beliau menganjurkan cendekiawan Islam menguasai kedua-dua ilmu moden dan ilmu Islam dan kemudian menyatukannya dalam satu sintesis yang kreatif. Buku ini telah disebarluaskan ke seluruh dunia dengan percuma dan akibatnya gagasan islamisasi menjadi lebih popular. Pengislaman segala bidang ilmu kemudian menjadi tajuk perbincangan yang hangat dan meluas. Walaupun demikian, tidak dinafikan bahawa terdapat juga segelintir cendekiawan Islam sendiri yang tidak dapat menerima dan bersedia memahami konsep islamisasi ilmu ini. Penulisan ini bertujuan menganalisis konsep ini agar jelas kepentingan dan implikasinya terhadap semua umat Islam.

Skop Kajian

Kajian ini termasuk dalam bidang analisis falsafah, iaitu bertujuan menyelidik apakah yang dimaksudkan dengan konsep islamisasi ilmu. Untuk itu, bahan bacaan yang berkaitan dengan konsep islamisasi ilmu akan dianalisis, dikritis dan disintesiskan. Dokumen yang berkaitan dengan falsafah dan sistem pendidikan negara pula akan dikaji, bagi melihat kemungkinan implikasi konsep islamisasi ilmu ini kepada falsafah dan sistem pendidikan negara.

Sebelum membincangkan konsep islamisasi ilmu, eloklah dibincangkan dahulu apakah yang dimaksudkan dengan falsafah dan analisis falsafah kerana penerangan tersebut akan dapat menjelaskan bentuk kajian ini. Jika tidak, kajian ini boleh disalah tafsirkan kerana pendekatan inkuiiri falsafah adalah berbeza dari pendekatan inkuiiri konvensional yang lain. Salah tafsir mungkin berlaku kerana pada masa ini, inkuiiri falsafah bukanlah salah satu dari kaedah penyelidikan yang popular dan menjadi pilihan ramai. Oleh itu terlalu sedikit individu yang memahami kaedah dan teknik inkuiiri falsafah. Pengaruh sains dalam penyelidikan sains sosial pula sangat besar dan meluas menyebabkan hampir tidak ada kaedah penyelidikan yang terkecuali dari pengaruhnya. Pandey (1993) mentafsirkan fenomena ini sebagai melahirkan suatu ism dalam dunia penyelidikan (*scientism*). Osman Bakar (1994), dalam nada yang sama berpendapat manusia sebenarnya telah tunduk kepada anggapan bahawa sains moden telah mencipta satu-satunya kaedah yang dinamakan “Kaedah Saintifik”. Akibatnya, kajian terhadap manusia juga dilakukan dalam bentuk eksperimen. Malangnya menurut Pandey (1993) lagi, tanpa disedari kajian seperti ini telah menjadikan manusia individu reaktif,

bukan aktif. Akhirnya manusia menjadi individu mekanikal, seperti sebuah mesin yang terpisah daripada kebebasan, kehendak dan roh. Sedangkan menurut Osman Bakar (1994), manusia memiliki pelbagai peringkat atau hierarki kesedaran. Dengan itu, personaliti manusia seharusnya tidak dinilai melalui satu perlakuan tertentu sahaja.

Dalam dunia penyelidikan pula, kesan fenomena ini adalah lebih teruk lagi. Kaedah penyelidikan yang tidak sealiran dengan kelompok *scientism* akan dianggapkan tidak intelek, tidak standard dan tidak dihormati. Tanggapan seperti ini sebenarnya adalah sesuatu yang tidak sihat dan berlawanan dengan semangat sains itu sendiri yang menentang *ismisme*. Justeru, inkir falsafah masih boleh memastikan peranannya dalam dunia sains dan teknologi kini.

Lagipun, inkir falsafah tidak mengenepikan langsung aspek empirikal. Contohnya, Pandey (1993) yang memetik S. S. Mathur mencadangkan tiga model dalam inkir falsafah pendidikan yang merangkumi aspek empirikal itu, iaitu: model empirikal-teoritikal, model teoritikal-empirikal dan model teoritikal. Oleh itu, dalam inkir falsafah pendidikan, analisis terhadap sesuatu idea boleh disokong oleh data empirikal ataupun sebaliknya data empirikal disokong dengan analisis sesuatu idea. Namun, boleh juga dijalankan inkir mengikut model teoritikal sahaja, iaitu hanya membahaskan idea secara kritis tanpa sokongan dapatan empirikal. Kajian ini adalah mengikut model yang ketiga, iaitu model teoritikal.

Penjelasan di atas menghuraikan kenapa tidak terdapat garis pemisah yang jelas dan nyata yang membezakan penyelidikan falsafah dengan penyelidikan

yang lain itu. Hal ini adalah kerana kaedah falsafah juga digunakan dalam cabang penyelidikan yang lain seperti dalam bidang sains sosial. Seperti yang dinyatakan oleh Short (1991), penyelidikan falsafah adalah penyelidikan yang menyelidik apa sahaja makna sebenar tindakan ataupun perbuatan dalam kehidupan manusia. Implikasi kenyataan ini adalah bahawa penyelidikan falsafah itu terlalu luas skopnya dan merangkumi segala-galanya. Namun ini bukan bermakna bahawa semua perkara akan dibahaskan dalam inkuriri falsafah sehingga penyelidik tidak mempunyai fokus. Sebaliknya perkara utama yang dibahaskan dalam inkuriri falsafah adalah idea-idea yang berpengaruh dalam masyarakat yang akan dianalisis secara kritis. Oleh itu menganalisis idea-idea secara kritis seperti yang dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, tidak bermakna sesuatu kajian itu tidak bersifat intelek atau tidak saintifik. Malah menurut Short (1991), walaupun kelompok *scientism* sering merendah-rendahkan tahap keintelektualan inkuriri falsafah, tetapi mereka tidak sedar bahawa mereka juga menggunakan salah satu komponen penting inkuriri falsafah, iaitu analisis konsep. Sedangkan yang lebih ironinya menurut Ozmon dan Craver (1995), walaupun inkuriri falsafah telah menurun grafnya sebagai salah satu kaedah penyelidikan yang popular, tetapi ia berkembang dengan lebih pesat lagi dalam “badan” penyelidikan sains sosial. Memandangkan inkuriri falsafah dicirikan oleh bidang falsafah itu sendiri, eloklah dibincangkan sedikit perkara ini.

Pengertian Dan Tujuan Falsafah

Dari segi bahasa, istilah falsafah berasal dari dua istilah Yunani, iaitu “philos” (kecintaan terhadap) dan “sophia” (kebijaksanaan). Oleh sebab itu semua ahli falsafah dikatakan mencintai kebijaksanaan. Selain dari itu falsafah juga dikaitkan dengan usaha mencari kebenaran. Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991b) misalnya berpendapat makna yang lebih tepat kepada falsafah adalah mencintai kebenaran. Hal ini adalah kerana tidak semua kebijaksanaan adalah kebenaran, sedangkan kebenaran adalah satu kebijaksanaan.

Seterusnya, apakah pula yang dilakukan oleh ahli falsafah dan maksud aktiviti berfalsafah? Oleh sebab terdapatnya kesukaran dalam menjawab soalan maka setengah penulis seperti Fullinwider (1991) mengaitkan aktiviti berfalsafah dengan ahli falsafah itu sendiri seperti Socrates dan Plato. Sedangkan Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa (1992) merujuk kepada tugas ahli falsafah, iaitu falsafah merupakan satu penyiasatan yang menyeluruh, komprehensif dan logik tentang pemikiran dalam semua aktiviti manusia dalam berbagai-bagai bidang seperti agama, sains, seni dan pendidikan. Sementara Abdul Latif Samian (1997) menyenaraikan tiga aktiviti berfalsafah yang berikut (keseluruhan senarai aktiviti ini dibuat berdasarkan sejarah perkembangan falsafah di seluruh pelusuk dunia): Pertama, di negara-negara Eropah falsafah sangat menekankan aktiviti analisis dan terdapat segolongan lain yang beranggapan bahawa falsafah ialah perbincangan tentang perkara-perkara yang memerlukan daya spekulasi yang cukup tinggi. Kedua, dari segi sejarah perkembangan sains di Eropah Barat terutama sebelum berlakunya pemisahan antara teologi dengan falsafah tabii,

falsafah difahami sebagai ilmu sains seperti yang wujud kini. Ketiga, dalam peradaban Islam, khususnya dalam pemerintahan al-Makmum (813-833M), falsafah dimaksudkan sebagai ilmu warisan Yunani dan belajar falsafah adalah selari dengan usaha mencari serta mencintai kebenaran. Walaupun demikian penerangan oleh Abdul Latif Samian (1997) ini sebenarnya lebih menjurus kepada sejarah perkembangan falsafah dan kurang jelas dari segi maksud aktiviti berfalsafah.

Hakikat ini menunjukkan terdapat kesukaran menemui satu tafsiran yang boleh diterima oleh semua pihak tentang maksud aktiviti berfalsafah. Miller (1984), menyatakan tafsiran aktiviti falsafah berikut sebagai sesuatu yang diterima umum iaitu “falsafah adalah satu usaha untuk berfikir secara rasional dan kritis tentang perkara-perkara yang paling penting” (dipetik oleh Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991b). Tafsiran Miller itu boleh diterima umum kerana ia lebih tepat dan menyeluruh. Seseorang dikatakan berfalsafah jika ia berfikir secara rasional dan kritis. Malah apa yang difikirkan mestilah perkara-perkara yang paling penting dalam kehidupan bukan perkara remeh-tekeh.

Hubungan di antara falsafah dengan falsafah pendidikan terletak pada skop perbincangannya. Falsafah secara umumnya membincangkan semua perkara penting dalam hidup manusia tetapi falsafah pendidikan menurut Sadovnik, Cookson dan Samels (1994), adalah memfokuskan kepada persoalan pendidikan sahaja. Malah dengan mendalami falsafah pendidikan akan membantu guru dari segi membuat pertimbangan tentang apa yang guru perlu lakukan dan menjelaskan lagi matlamat hidup seorang guru.

Inkuiri falsafah dalam pendidikan pula bermaksud mengkaji perkara-perkara asas dan prinsip-prinsip yang digunakan dalam pendidikan. Pandey (1993), menyenaraikan tiga perkara yang dikaji dalam falsafah pendidikan iaitu pertama, menyelidik objektif pendidikan, kurikulum, kaedah dan strategi pengajaran guru serta hubungannya dengan beberapa aliran falsafah sistematik seperti idealisme ataupun realisme. Kedua, menyelidik konsep-konsep yang digunakan dalam pendidikan, kejelasan dan kesesuaian konsep serta mencadangkan tindakan susulan yang perlu diambil. Ketiga, menguji pendekatan teori yang digunakan dalam pendidikan.

Sementara itu Floden dan Buchmann (1990) berpendapat, terdapat tiga perkara dalam pendidikan yang memerlukan pertimbangan falsafah. Pertama, inkuiri yang melibatkan persoalan normatif. Kedua; inkuiri umum tentang apa yang seharusnya guru lakukan dalam pendidikan. Ketiga, inkuiri tentang kekuatan logik dan asas pertimbangan bagi idea, hujah dan amalan dalam pendidikan.

Persoalan normatif sangat penting dalam pendidikan kerana guru pada setiap masa akan membuat pertimbangan tentang baik dan buruk tindakannya terhadap diri sendiri, murid dan sekolah. Sebagai contoh, persoalan tentang kewajaran hukuman fizikal bagi murid sekolah termasuk dalam persoalan normatif ini. Sementara inkuiri umum tentang apa yang seharusnya dilakukan oleh guru di sekolah terhadap murid dan rakan sekerja akan menentukan hala tuju sekolah dan ciri-ciri murid yang akan dihasilkan oleh sekolah. Dalam hal ini, Amstrong (2001) berpendapat falsafah individu banyak mempengaruhi tindakan guru di sekolah. Sebagai contoh, bagaimanakah seseorang itu melihat muridnya,

adakah baik atau jahat? Jika guru melihat muridnya sebagai manusia baik maka pasti sikap, matlamat dan tindakannya berbeza dengan guru lain yang melihat muridnya sebagai jahat. Akhirnya inkuiiri tentang kekuatan aliran logik dan asas pertimbangan bagi idea, hujah dan amalan dalam pendidikan akan menghasilkan sama ada kritikan, idea atau hujah baru atau cadangan yang praktikal dalam pendidikan. Bahagian yang berikut akan membincangkan pula tentang satu cabang atau gerakan falsafah yang sangat berkait rapat dengan aktiviti analisis falsafah, iaitu falsafah analitikal.

Falsafah Analitikal

Falsafah analitikal adalah satu gerakan yang muncul pada akhir abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh. Tokoh yang terlibat mempelopori gerakan ini termasuklah George Edward Moore (1873-1958), Bertrand Russel (1872-1970) yang lebih dikenali sebagai pengasas falsafah analitikal di Amerika Syarikat, Moritz Schlick (1882-1936) dan Ludwig Wittgenstein (1889-1951). Schlick dan Wittgenstein ialah ahli falsafah British yang tergolong dalam *Vienna Circle* (Gutek, 1997) yang termasuk juga Alfred Jules Ayer (1910-1989) (Ozmon & Craver (1995).

Walaupun kemudian terdapat perubahan dalam tumpuan gerakan ini, terdapat persetujuan umum di kalangan pendokongnya bahawa tugas falsafah adalah untuk menghuraikan makna, membuat analisis dan mendapatkan kejelasan yang sebaik-baiknya tentang sesuatu konsep. Oleh sebab itu falsafah analitikal menumpukan perhatian terhadap aspek kejelasan dan ketepatan bahasa dan

konsep yang digunakan oleh seseorang (Ozmon & Craver, 1995). Dengan itu tidak hairanlah jika falsafah analitikal juga kadang-kadang dikenali sebagai analisis linguistik. Bagi sesetengah pendokong falsafah analitikal, kebanyakan masalah utama manusia bukanlah tentang soal metafizik seperti yang selalu didakwa oleh ahli falsafah sistematik tetapi lebih kepada kekeliruan dalam memahami makna sesuatu konsep (Woodhouse, 1984). Dengan itu mereka berpendapat falsafah sistematik bukan saja tidak menyelesaikan masalah tetapi telah menambahkan lagi kekeliruan manusia. Perkara ini dapat dilihat daripada pendekatan falsafah analitikal iaitu bila diajukan sesuatu masalah, ia akan memperjelaskan makna frasa atau bahasa yang digunakan itu terlebih dahulu. Sedangkan falsafah sistematik akan melihat sesuatu masalah itu dalam satu kerangka kepercayaan yang telah diterima asas pertimbangan dan prinsip-prinsipnya (Woodhouse, 1984).

Apabila dikaitkan dengan falsafah pendidikan maka falsafah analitikal akan berusaha memperjelaskan bahasa atau istilah yang digunakan dalam aktiviti pendidikan seperti pengajaran dan pembelajaran, dan pembentukan polisi dan matlamat pendidikan (Gutek, 1997). Oleh yang demikian falsafah analitikal boleh membantu guru dalam memahami apa yang sepatutnya dilakukan oleh mereka. Pendapat yang sama turut dikongsi oleh Ozmon dan Craver (1995), yang menyatakan kebanyakan masalah utama pendidikan berpunca daripada masalah bahasa dan jika masalah bahasa tersebut berjaya diatasi maka masalah pendidikan dapat diselesaikan.

Ketidakpastian makna frasa, ayat dan bahasa di sekolah dan dalam kehidupan murid akan mengelirukan dan menyusahkan pendidikan. Sebagai contoh, apakah yang dimaksudkan dengan murid cemerlang? Sekolah ingin melahirkan murid cemerlang tetapi maksud sebenarnya ialah murid yang berjaya lulus dengan baik dalam peperiksaan dan terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum sehingga boleh mengharumkan nama sekolah. Dalam soal murid berdisiplin pula, maksud sebenarnya adalah murid yang mengikut peraturan-peraturan sekolah. Jika seseorang murid itu pandai bersandiwara lalu berlagak mematuhi disiplin sekolah maka ia tetap dianggap seorang murid yang berdisiplin. Maka di sinilah falsafah analitikal boleh memainkan peranan iaitu menjelaskan makna bahasa, memperbaiki konsep pendidikan yang difahami guru dan cara konsep itu digunakan. Hal ini akan menghindarkan kekeliruan yang dihadapi oleh guru dan murid. Ozmon dan Craver (1995) juga turut berpendapat bahawa guru sendiri menjadi mangsa kepada bahasa yang tidak jelas, dan bahasa yang tidak jelas itu akan terus digunakan oleh guru bila dia berinteraksi dengan buku, murid-murid dan masyarakat. Oleh sebab tajuk kajian, tentang islamisasi ilmu terangkum dalam cabang epistemologi, bahagian yang berikutnya akan membincangkan perkara ini.

Epistemologi Dan Epistemologi Islam

Kebanyakan penulis mengenal pasti empat cabang falsafah iaitu metafizik, epistemologi, logik dan nilai (Abdul Latif Samian, 1997; Mat Rofa Ismail, 1997; Armstrong, 2001). Epistemologi adalah cabang falsafah yang membincangkan

tentang teori-teori ilmu pengetahuan. Dari segi bahasa, istilah epistemologi berasal daripada perkataan Greek *episteme* yang bermaksud “ilmu pengetahuan” (Abdul Latif Samian, 1997). Perkara yang sering dijadikan kajian dalam bidang epistemologi ialah ilmu pengetahuan. Ahli epistemologi ingin mencari jawapan kepada soalan-soalan seperti, apa yang dimaksudkan dengan pengetahuan? Bagaimana untuk memperoleh pengetahuan dan apakah sumber pengetahuan itu? Hal ini termasuk juga pertanyaan, adakah terdapat pelbagai jenis pengetahuan dan adakah semua pengetahuan itu sama? Seterusnya, bagaimanakah untuk memastikan bahawa yang diketahui oleh seseorang itu sebenarnya pengetahuan?.

Persoalan pertama yang perlu dibincangkan di sini adalah apakah yang dimaksudkan dengan pengetahuan? Adakah pengetahuan sama maksudnya dengan istilah lain seperti ilmu, fakta ataupun maklumat? Dalam Bahasa Inggeris, *knowledge* adalah pengetahuan. Umumnya tidak terdapat pendapat yang seragam tentang makna fakta, maklumat, pengetahuan ataupun ilmu. Definisi tentang perkara ini banyak bergantung kepada perspektif mana yang digunakan oleh seseorang. Misalnya Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a), membezakan maklumat, kemahiran dan fakta daripada ilmu. Bagi beliau maklumat, kemahiran mahupun fakta adalah terbatas kepada pengetahuan yang diperoleh melalui panca indera dan akal manusia. Sedangkan ilmu, seperti yang dikatakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980), adalah merujuk kepada ketibaan makna sesuatu kepada diri seseorang. Oleh itu fakta atau maklumat adalah berbeza dari ilmu, walaupun ilmu memerlukan maklumat untuk menghadirkan makna kepada seseorang itu. Berdasarkan pertimbangan ini maka Wan Mohd. Nor Wan Daud

(1991a) menyimpulkan maklumat, fakta ataupun pengetahuan mungkin benar atau pun salah, sedangkan ilmu merujuk kepada maklumat yang benar. Dalam perbincangan seterusnya istilah pengetahuan akan digunakan dengan membawa maksud fakta ataupun maklumat. Sebaliknya istilah ilmu pula digunakan untuk membawa maksud ketibaan makna ke dalam diri seseorang.

Hubungan di antara epistemologi dengan pendidikan sangat rapat, ibarat isi dan kuku. Hal ini kerana, peranan asas pendidikan ialah menyampaikan pengetahuan kepada generasi muda. Schrag (1992), telah mengenalpasti enam tradisi utama kaedah penyampaian pendidikan iaitu tradisi penemuan (*discovery*), berfalsafah, retorik, saintifik, mistik dan tradisi psikoterapi. Tradisi penemuan adalah yang paling awal dalam pendidikan dan berkait rapat dengan pembelajaran melalui penemuan kerana perkara yang paling penting adalah kemahiran melakukan kerja. Tradisi berfalsafah pula dikaitkan dengan kelompok seperti Socrates dan Plato yang terdapat pada zaman Yunani kuno. Mereka berusaha untuk mencari kebenaran, keadilan dan sebagainya. Sementara tradisi retorik pula bertentangan dengan tradisi berfalsafah. Tradisi ini lebih menekankan kemahiran berhujah dengan baik tanpa mempertimbangkan kebenaran sesuatu idea. Tradisi saintifik pula lebih menekankan kepada usaha penerokaan dan penemuan idea melalui ujikaji yang berulang-ulang. Tradisi psikoterapi adalah tradisi yang lebih percaya kepada aspek kejiwaan yang boleh diperoleh melalui komunikasi dengan individu. Ahli tradisi ini mengambil serius setiap perkara yang terbit dari pemikiran dan aspek bukan rasional dalam diri manusia. Akhirnya tradisi mistik adalah tradisi yang percaya kepada penemuan pengetahuan melalui intuisi dan

meditasi. Kesemua tradisi ini mengambarkan perubahan pandangan manusia tentang bagaimana memperoleh ilmu pengetahuan dan peranannya dalam kehidupan manusia. Walaupun demikian, pada masa ini tradisi saintifik adalah yang paling berpengaruh kepada kehidupan manusia.

Epistemologi Islam yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah epistemologi dari perspektif Islam ahli Sunnah Waljamaah yang berbeza daripada epistemologi Barat yang sekular. Perbezaan ini boleh dilihat dalam beberapa aspek, iaitu antaranya tentang makna, sumber, nilai dan klasifikasi ilmu pengetahuan. Perbezaan pertama adalah tentang makna ilmu. Dalam bahasa Inggeris ilmu disebut sebagai *knowledge*. Menurut kamus Oxford Dictionary (1978), *knowledge* didefinisikan sebagai tahu, proses mengenal yang diperolehi melalui pengalaman (orang, benda, fakta). Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (1991a), pada pandangan Barat moden terutamanya yang berpegang teguh kepada kaedah sains (golongan empirisme), ilmu merujuk kepada pengenalan atau persepsi jelas tentang fakta. Sementara fakta pula adalah perkara-perkara yang boleh ditanggapi oleh panca indera zahir, iaitu yang bersifat empiris. Oleh sebab itu kewujudan perkara lain di luar keupayaan panca indera zahir tersebut dianggap bukan fakta dan tidak dikira termasuk dalam bidang ilmu.

Sedangkan bagi Islam, ilmu bukan hanya setakat fakta ataupun maklumat tetapi lebih daripada itu. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (1980), ilmu didefinisikan sebagai “ketibaan makna sesuatu ke dalam diri seseorang. Apabila merujuk kepada diri sebagai pentafsir, ilmu adalah ketibaan diri seseorang kepada makna tentang sesuatu” (hlm. 17). Jelas bahawa “ilmu” dari perspektif Islam

bukan sekadar maklumat tetapi yang lebih penting lagi ialah ilmu merujuk kepada kedatangan makna dalam diri seseorang. Oleh itu memiliki maklumat sahaja bukan bermakna seseorang itu berilmu jika maklumat tersebut tidak memberi sebarang makna kepada individu.

Perkara kedua yang berbeza adalah sumber ilmu itu. Dari perspektif Barat terutamanya golongan *positivist*, pengalaman melalui panca indera zahir adalah satu-satunya sumber pengetahuan yang sah. Bagi mereka, apa yang boleh dikesan oleh panca indera itulah realiti sedangkan perkara lain seperti persoalan hidup selepas mati yang tidak ada sesiapapun dapat membuktikannya adalah satu pengetahuan yang tidak sah dan tidak benar. Dari perspektif Islam pula menurut Osman Bakar (1995), sumber ilmu adalah Allah s.w.t. yang maha mengetahui. Kenyataan ini menunjukkan bahawa sumber ilmu pengetahuan itu adalah dari Allah s.w.t. Oleh itu segala pengetahuan sama ada yang zahir maupun ghaib tetapi dibicarakan oleh Allah s.w.t. adalah diterima, sah dan benar. Sikap ini sebenarnya menggambarkan keluasan pandangan alam Islam yang bersedia menerima sesuatu pengetahuan di luar batas kemampuan akal dan panca indera. Namun sikap ini, bukanlah dikatakan sebagai tidak rasional kerana menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991b), berfikir secara rasional dalam konteks umat Islam termasuklah menerima hakikat keterbatasan akal-rasional itu sendiri. Jadi, bukanlah sesuatu yang tidak rasional jika kita menerima pengetahuan tentang alam akhirat misalnya, yang dibicarakan oleh Allah s.w.t..

Aspek ketiga ialah tentang nilai ilmu. Perspektif Barat melihat bahawa ilmu adalah bebas. Bebas nilai bermaksud ilmu tidak dipengaruhi oleh budaya,

suasana, nilai dan pandangan alam mereka yang menemui dan mengembangkannya. Ilmu, sama ada yang datang dari Barat ataupun Timur, adalah sama sahaja dan tidak akan memberi masalah kepada pengamal yang baru. Selain itu, pemilik ilmu juga tidak tertakluk kepada penanggungjawaban melainkan kepada dirinya sendiri. Jadi ilmu dalam konteks ini adalah milik individu dan terpulanglah pada diri masing-masing dalam soal bagaimana untuk menggunakannya.

Perspektif Islam pula melihat ilmu sebagai penuh dengan nilai (Bakhtiar Husain Siddiqui, 1991). Pandangan ini bersesuaian dengan kepercayaan umat Islam bahawa sumber pengetahuan adalah dari Allah s.w.t. Maka yang memberikan pengetahuan itu juga ialah Allah s.w.t. dan pemilik ilmu itu bertanggungjawab kepada Allah s.w.t. Dengan itu, pemilik ilmu tertakluk kepada perintah berupa suruhan ataupun larangan dari Allah s.w.t. Salah satu dari nilai yang perlu dipatuhi oleh umat Islam ialah mereka diperintahkan menuntut ilmu dan kemudian menyebarkannya. Adalah menjadi kesalahan jika seseorang itu menyembunyikan ilmu, khususnya ilmu fardhu ain.

Aspek terakhir ialah klasifikasi ilmu pengetahuan. Perspektif Barat mengkelaskan ilmu berdasarkan sistem pengelasan yang dicipta di Universiti Harvard pada tahun 1928 (Zarin Ismail, 1996). Menurut pengelasan tersebut, ilmu-ilmu telah dikelompokkan kepada sains fizikal, ilmu sosial dan ilmu kemanusiaan mengikut susunan kepentingannya. Dalam klasifikasi Harvard itu, ilmu agama adalah tidak lebih daripada satu cebisan ilmu yang tergolong dalam bidang kemanusiaan, iaitu menduduki hierarki terkebawah sekali.


Perspektif Islam pula mengkelaskan ilmu kepada ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Ilmu fardhu ain ataupun ilmu asas bermaksud ilmu yang wajib dituntut oleh semua orang tidak kira lelaki ataupun perempuan. Manakala ilmu fardhu kifayah pula ialah ilmu yang diperlukan oleh masyarakat dan wajib dituntut oleh sebahagian dari ahli dalam sesuatu masyarakat. Kedua-dua ilmu ini tidak boleh dipisahkan di antara satu sama lain. Kedua-dua ilmu ini saling lengkap-melengkapi peranan dan tanggungjawab manusia di dunia ini. Seseorang yang mengkhusus dalam ilmu fardhu kifayah adalah dikehendaki mempunyai dasar yang kukuh dalam ilmu fardhu ain. Ilmu fardhu ain juga bukanlah sekelompok ilmu yang statik tetapi berkembang sesuai dengan peningkatan ilmu fardhu kifayah seseorang. Perkara ini menjelaskan bahawa semakin tinggi ilmu fardhu kifayah seseorang maka semakin perlulah ia mengkaji kesesuaian dan keselarasan ilmunya itu dengan ilmu asasnya (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1991a). Setelah membincangkan beberapa konsep yang berkaitan dengan tajuk, kini dijelaskan pula bentuk penyelidikan yang akan dibuat dalam kajian ini

Bentuk Penyelidikan Dan Kepentingan Kajian

Dari segi bentuk penyelidikan iaitu bagaimanakah penyelidikan falsafah dilakukan, ahli falsafah tidak kira falsafah sistematik ataupun falsafah analitikal kedua-duanya menggunakan kaedah dialektik. Menurut Phonix (1964) yang dipetik oleh Short (1991), asas kepada proses intelektual yang terlibat dalam penyelidikan yang menggunakan kaedah dialektik adalah analisis, sintesis dan kritis. Ketiga-tiga proses tersebut atau gabungan di antara ketiga-tiganya menjadi

intipati kepada penyelidikan falsafah. Seperti kata Short (1991) tidak ada misteri tentang apa yang terlibat dalam proses analisis, sintesis dan analisis. Analisis merujuk kepada proses memecah atau membahagikan sesuatu yang kompleks kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil. Sintesis pula bermaksud mengatur bahagian-bahagian yang kecil itu kepada yang lebih kompleks dengan tambahan idea-idea yang baru. Sedangkan kritis adalah mengenal pasti dan menilai alasan dan hujah yang telah diberikan terhadap sesuatu idea atau proposisi, mengenal pasti pola perbincangan, memperbaikinya dan mencadangkan sesuatu yang baru. Proses intelektual ini berlaku berterusan dan berulang-ulang tanpa ada had masa.

Tidak juga terdapat satu peraturan atau prosedur tetap yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh pengkaji, sebaliknya pengkaji akan terus mengikuti proses menyelidik dengan mengemukakan soalan, memberi jawapan dan mengemukakan lebih banyak soalan baru. Apabila jawapan diberikan atau dicadangkan, maka implikasi kepada jawapan itu dikenal pasti, sedangkan keserasian, keselarasan atau kewajaran jawapan itu pula tidak akan diterima tanpa soal. Malah ianya akan dipersoalkan semula dan ini akan menimbulkan banyak lagi persoalan. Setiap jawapan baru yang ditemui akan dipersoalkan semula. Demikianlah proses ini berlaku berterusan dan berulang-ulang. Proses dialektik ini dapat diringkaskan dengan menggunakan gambar rajah yang berikut.



Rajah 1 : Proses dialektik

Proses yang berterusan inilah yang mencirikan penyelidikan dalam bidang falsafah dan bermakna tidak mungkin akan ditemui satu jawapan yang mutlak. Seperti yang dirujuk oleh Noddings (1995) bahawa Ludwig Wittgenstein pernah berkata “philosophy leaves everything as it is”. Malah sesetengah ahli falsafah berpendapat jika sesuatu jawapan mutlak telah ditemui, ini bermakna persoalan itu bukan lagi persoalan falsafah.

Kajian ini adalah penting terutamanya kepada pendidik agar mengetahui apakah dia islamisasi ilmu dan implikasinya kepada peranan dan tugasnya sebagai pendidik. Kepada pentadbir pendidikan, kajian ini akan membantu mereka memberikan idea yang lebih sesuai supaya konsep dan amalan pendidikan yang akan dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara ini lebih selari dengan konsep ciri-ciri masyarakat setempat. Secara tidak langsung masyarakat juga akan

mendapat manfaat dari kajian ini kerana jika konsep islamisasi dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara, maka sistem pendidikan negara akan memberikan keadilan kepada semua dan mengangkat martabat diri insan sebagai manusia.